

Portal Data Terbuka Malaysia Versi Beta

Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri sedang menaiktaraf Portal Data Terbuka Malaysia bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, menggalakkan perkongsian data dan inovasi baharu serta mengikut amalan baik peringkat global.

Sehubungan dengan itu, **Portal Data Terbuka Malaysia Versi Beta** (<http://beta.data.gov.my>) telah diterbitkan pada 25 Mac 2016 untuk capaian umum bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pihak pengguna bagi penambahbaikan portal. Sebarang maklum balas boleh dikemukakan melalui ruangan maklum balas yang disediakan di laman utama portal tersebut sebelum 30 April 2016.

Justeru itu, MAMPU ingin memohon kerjasama pihak YBhg. Dato' Sri/ Dr./ Tuan/Puan untuk mempromosi Portal Data Terbuka Malaysia Versi Beta (<http://beta.data.gov.my>) melalui hebahan di dalam portal rasmi kementerian/agensi YBhg. Dato' Sri/Dr./Tuan/Puan. Bersama-sama ini dilampirkan e-banner portal bagi tujuan hebahan tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg Dato' Sri/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih jua.